

SOALAN NO: 49

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary
[BACHOK]

TARIKH : 8 Mac 2016 [SELASA]

SOALAN : Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary
[Bachok] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan kaedah dan
mekanisma yang disediakan pihak
Kementerian untuk rakyat memohon
projek ternakan rusa yang diumumkan
Perdana Menteri sebagai inovasi baru
bidang penternakan yang
menguntungkan dalam Bajet 2016.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penternakan rusa mula dikembangkan di negara ini secara intensif sejak tahun 1993. Sehingga kini, terdapat seramai 341 pengusaha ternakan rusa dengan populasi sebanyak 17,876 ekor berbanding hanya 258 pengusaha dengan populasi sebanyak 12,567 ekor pada tahun 2013. Peningkatan pesat ini dilihat hasil daripada projek pembangunan industri rusa yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan terutamanya di Negeri Kelantan, Perak dan Perlis. Secara purata, permintaan (*consumption*) daging rusa di Malaysia, dianggarkan hanya sebanyak 138 tan metrik dengan nilai lebih kurang RM4.84 juta setahun.

Secara keseluruhannya, sebanyak 60% penternakan rusa adalah pada skala kecil yang diusahakan secara *back yard rearing*, manakala 40% lagi diusahakan pada skala sederhana dan besar.

Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) turut menyediakan bantuan teknikal seperti Skim Bantuan Ternakan Rusa, Pembangunan Kawasan Padang Ragut, membekalkan ternakan rusa induk dan baka pejantan kepada para penternak.